

D980

U B754 A A B
MAHATHIR - BUDAYA R R R

MELAKA, 1 8 OGOS (BERNAMA)- PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGATKAN ANGGOTA PART1 SUPAYA JANGAN MENJADIKAN +BUDAYA DUIT+ SEBAGAI BUDAYA UMNO KERANA PART1 SEHARUSNYA BERSIH DARIPADA SEGALA BENTUK UNSUR-UNSUR NEGATIF.

+SEKIRANYA SESEORANG AHLI ITU SUDAH SANGGUP MENERIMA SESUATU UNTUK MELAKUKAN SESUATU YANG TIDAK BAIK, KITA AKAN HILANG KUASA KITA,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KOTA MELAKA DI HOTEL CITY BAYVIEW DI SINI PETANG INI.

+BUDAYA DUIT JANGAN DIIKUT... IA HARUS DITOLAK SAMA SEKALI KERANA IA DIGUNAKAN OLEH ORANG-ORANG TERTENTU UNTUK MENDAPATKAN SESUATU,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA, ANGGOTA PART1 TIDAK HARUS MENERIMA DAN MENYERAH DIRI KEPADA NAFSU KERANA MEREKA PERLU MEMILIH (PEMIMPIN) SECARA IKHLAS DAN BUKANNYA MENERUSI +BUDAYA DUIT+.

KATANYA, TABIAT ITU JANGAN DIJADIKAN SEBAGAI BUDAYA UMNO KERANA BUDAYA UMNO ADALAH BERSIH DAN SEKIRANYA +BUDAYA DUIT+ BERMULA PADA PERINGKAT CAWANGAN, IA BOLEH MEREBAK PADA PERINGKAT LAIN. -- LAGI 2007MST 18 08 89

D981

U B756 A A B
MAHATHIR - BUDAYA 2 MELAKA R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN ANGGOTA PART1 BAHAWA PADA ZAMAN INI JUGA TERDAPAT +KITOL+ YANG SANGGUP MENERIMA DUIT DAN PERBUATAN ITU AKHIRNYA BOLEH MERUGIKAN BANGSA SENDIRI.

OLEH ITU, KATANYA, ANGGOTA UMNO JANGAN ALPA KERANA +KITOL+ DAN +RAJA MENDALIAR+, YANG TERDAPAT DALAM SEJARAH KESULTANAN MELAYU MELAKA, JUGA WUJUD PADA MASA INI.

BELIAU LALU MENOLAK PENDAPAT SESETENGAH PIHAK YANG MENGATAKAN KONONNYA TIADA PERTANDINGAN PADA PERINGKAT CAWANGAN ATAU BAHAGIAN BERMAKNA PROSES ITU TIDAK DEMOKRATIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU TIDAK NAMPAK SEBARANG SEBAB MENGAPA SESUATU PERTANDINGAN SAMA ADA PADA PERINGKAT CAWANGAN MAHUPUN BAHAGIAN BERLAKU JIKA PEMIMPIN YANG ADA TELAH MENJALANKAN TUGASNYA DENGAN SEMPURNA.

+JIKA TIDAK ADA PERUBAHAN BESAR ATAU PUN YANG BOLEH MENYEBABKAN, SESEBUAH CAWANGAN ATAU BAHAGIAN ITU MENJADI GILANG-GEMILANG DENGAN SERTA-MERTA, KENAPA KITA HENDAK BERTANDING,?+ TANYA BELIAU. -- LAGI 2009MST 18 08 89

D982

U B757 AAB
MAHATHIR - BUDAYA 3 MELAKA RRR

OLEH SEBAB **ITU**, PERTANDINGAN TIDAK SEHARUSNYA BERLAKU DALAM UMNO MELAINKAN SESEORANG **PEMIMPIN** ITU **LANGSUNG** TIDAK MEMBUAT KERJA KERANA SEBARANG PERTANDINGAN BOLEH MENYEBABKAN PERPECAHAN DI KALANGAN ANGGOTA **PARTI**, KATANYA.

+TIDAK KIRA SIAPA YANG MENANG DALAM PERTANDINGAN. **KITA** HENDAKLAH BEKERJA DAN MENYOKONG SETELAH KALAH... TETAPI MALANGNYA SELEPAS KALAH **KITA (ANGGOTA PARTI)** TERUS TERPISAH DAN TIDAK MAHU MERAPATKAN SEMULA BARISAN. WALHAL YANG KALAH HENDAKLAH MERAPATKAN BARISAN DAN MENYOKONG YANG **MENANG, +** TAMBAH BELIAU.

DATUK **SERI DR MAHATHIR BERKATA**, SEKIRANYA YANG KALAH MENYOKONG YANG MENANG SELEPAS SESUATU **PERTANDINGAN**, KEKUATAN PARTI TIDAK AKAN TERJEJAS TIDAK SEPerti YANG BERLAKU **PADA** PEMILIHAN PERHIMPUNAN AGUNG **UMNO PADA TAHUN 1987**.

PADA MESYUARAT PERWAKILAN **ITU, SEMUA** JAWATAN DALAM **BAHAGIAN** ITU DIMENANGI **TANPA** BERTANDING.

KETUA UMNO BAHAGIAN ITU IALAH SENATOR DATUK NASIR **MANAP**, ENCIK DOL **DOLLAH** DIPILIH SEBAGAI TIMBALAN MANAKALA ENCIK **OSMAN MARIKAR** NAIB KETUA. LIMA BELAS ANGGOTA JAWATANKUASA **BAHAGIAN** ITU **JUGA** MENANG **TANPA** BERTANDING.

-- BERNAMA

2011MST 18 08 89